



KERAJAAN NEGERI KELANTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

JAWATAN	:	PENGAWAS HUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN	:	G19
GRED GAJI	:	GAJI MINIMUM GAJI MAKSIMUM KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM1,357.00 4,008.00 100.00
SYARAT LANTIKAN	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: a. Warganegara Malaysia; dan b. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada sekolah latihan perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred G19: RM1,413.40) atau ii. SPM dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut Latihan perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred G19: RM1,469.80)
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	:	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT	:	3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Awam dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pengawas Hutan Gred G19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut: a) telah disahkan dalam perkhidmatan; dan b) mempunyai kelayakan di perkara 1(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan c) had umur pelantikan: i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS	:	4. Bertanggungjawab membantu Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan dalam melaksanakan dan memantau kawasan rizab hutan bagi hutan simpanan kekal dan hutan tanah kerajaan, aktiviti-aktiviti pembangunan hutan, pengusahaan hutan, pembangunan industri berasaskan kayu, pengeluaran hasil hutan, pengurusan hutan lipur dan tapak semaian hutan, membantu pengumpulan maklumat-maklumat perhutanan dan penguatkuasaan undang-undang perhutanan yang berkaitan.
-----------------	---	--